

Headline	Penuntut UUM serah memorandum hargaai PDRM		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	26 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	188 cm ²
AdValue	RM 1,034	PR Value	RM 3,102



Penuntut UUM serah memorandum hargaai PDRM

ALOR SETAR – Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyerahkan satu memorandum penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas pengorbanan dan perjuangan anggota polis yang telah terkorban ketika mempertahankan negara daripada pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah.


Penghargaan yang diberikan oleh Kelab Setia Negara (KSN) dan Malaysian Association Youth Club (MAYC) cawangan UUM kepada Polis Kedah adalah sebagai sokongan teguh kepada anggota polis bagi memastikan kedaulatan negara terus dipelihara.

Wakil KSN, Muhammad Faizol Abdul Wahab, 21, berkata, dia mengharapkan insiden di Lahad Datu dapat memberi kesedaran kepada rakyat di negara untuk terus bersama menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

“Kita sampaikan memorandum ini dengan harapan dapat membuka mata rakyat sebab tanpa anggota keselamatan, kita tak akan dapat hidup aman seperti hari ini,” katanya kepada *Sinar Harian* selepas menyerahkan memorandum tersebut kepada Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Abdul Ghafar Rajab sempena sambutan Peringatan Hari Polis ke-206, di dataran Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Ghafar berkata, beliau amat terharu dan tidak menyangka akan menerima penghargaan tersebut daripada golongan mahasiswa.

“Saya minta rakyat seluruhnya kalau dapat bersama memberi sokongan, kita akan dapat bersatu untuk terus menjaga keamanan negara daripada penceroboh,” katanya.



Muhammad Faizol (kiri) menyerahkan memorandum kepada Abdul Ghafar, semalam.